



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

AA POLYCC 2025 RAIKAN KECEMERLANGAN WARGA AKADEmia DI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SHAH ALAM, 9 Oktober 2025 - Anugerah Akademia Politeknik dan Kolej Komuniti (AA POLYCC) kini kembali bagi mengangkat martabat warga akademia di politeknik dan kolej komuniti. Majlis ini disempurnakan oleh Dr. Shamsuri Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Majlis anugerah tahunan yang dianjurkan oleh JPPKK dan bertemakan Integrasi Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pendidikan Tinggi bertujuan bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada para akademia di politeknik dan kolej komuniti yang telah berjaya menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelbagai aspek iaitu kurikulum, penyelidikan, inovasi, pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, program ini juga dapat menggalakkan para akademia di POLYCC untuk terus berusaha dengan bersungguh-sungguh agar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat terus diperkasa.

Pelbagai kategori anugerah disampaikan pada anugerah tersebut iaitu, Anugerah Ikon Sukarelawan; Anugerah Ikon Kokurikulum; Anugerah Mentor Keusahawanan; Anugerah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), Anugerah Penyelidikan dan Inovasi; Anugerah Penerbitan; Anugerah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH); Anugerah Ikon Kolaborasi; Anugerah Pensyarah Harapan; Anugerah Pensyarah Cemerlang; dan Anugerah Ketua Pengarah.

Manakala bagi Anugerah Tokoh Akademia TVET bagi edisi kali ini pula telah dinobatkan kepada YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari Ismail, Mantan Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Anugerah ini disampaikan atas sumbangan besar beliau ke arah pencapaian dan pembangunan TVET di POLYCC. Anak jati dari Taiping, perak ini mula berkhidmat pada tahun 1991 dan memiliki pengalaman selama 34 tahun di dalam dunia pendidikan.

-TAMAT-